

MAHATHIR-KIT SIANG

PULAU PINANG, 30 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA NEGERI INI AKAN MENGHADAPI MASALAH KALAU DAP BERKUASA SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM INI KERANA IA HANYA MEWAKILI SATU KAUM SAHAJA.

NEGERI INI MEMPUNYAI PENDUDUK BERBILANG KAUM DAN DAP SUDAH TENTU TIDAK DAPAT MEWAKILI KAUM LAIN, KATA PERDANA MENTERI PADA PERHIMPUNAN PARA KETUA DAN PEKERJA BARISAN NASIONAL DI DEWAN TUNKU DI KOMTAR DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG Pengerusi BN Berkata BN Hendaklah Memastikan DAP Tidak Mendapat Tempat Di Negeri Ini Demi Kebaikan Penduduk dan Pembangunannya.

Mengenai Peluang BN Di Negeri Ini, Beliau Berkata Memang Ada Tempat-tempat yang tebal dan susah bagi BN untuk menang tetapi kalau ada usaha penerangan dijalankan oleh pekerja BN, peluang untuk memenangnya lebih baik.

Perdana Menteri Berkata DAP Percaya Ia Dapat Menawan Negeri Ini dan Betiausaha Agungnya Encik Lim Kit Siang yang Bertanding di Sini Akan Diangkat Menjadi Ketua Menterinya.

Encik Lim Menentang Calon BN Ketua Pemuda Gerakan Kebangsaan Dr Koh Tsu Koon bagi merebut kawasan Parlimen Tanjung. Encik Lim juga bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Kampung Kolam. -- Lagi. 1723MST 30 07 86

B 8329 DEB

MAHATHIR-KIT SIANG 2 PULAU PINANG

Datuk Seri Dr Mahathir Berkata Beliau Diberitahu bahawa Encik Lim akan menjadi 100 peratus penduduk negeri ini jika menang, dan pengakuan serupa itu juga dibuatnya semasa beliau bertanding di Melaka dan Petaling semasa pilihan raya yang lepas.

Perdana Menteri Berkata +Kalau Encik Karpal Singh pula menjadi ketua menteri, habislah orang Pulau Pinang kerana Encik Karpal suka berkelahi.+

Katanya Encik Karpal suka berkelahi dengan semua orang dan beliau cuma takut akan Encik Lim.

Beliau Berkata Encik Lim sengaja hendak menentang Dr Koh dengan tujuan hendak menimbulkan masalah.

Datuk Seri Dr Mahathir Berkata Dr Koh seorang yang baik dan lemah lembut, pemimpin yang banyak memainkan peranan penting dalam memperjuangkan nasib masyarakat Cina dan orang seperti Dr Kohlah yang akan dapat membawa kesejahteraan kepada mereka. -- Lagi. 1729MST 30 07 86

MAHATHIR-KIT SIANG 3 PULAU PINANG

BELIAU BERKATA KEMENANGAN BN ADALAH PENTING BAGI MENJAGA KEAMANAN NEGERI INI KERANA APA JUGA PERTELELINGKAHAN ATAU RUSUHAN JIKA BERLAKU AKAN MENGANCAM EKONOMINYA YANG BANYAK BERGANTUNG KEPADA INDUSTRI PELANCONGAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENIMBULKAN PERISTIWA 13 MEI 1969 DAN PERISTIWA MEMALI DALAM UCAPANNYA, YANG KATANYA DITIMBULKANNYA DENGAN TUJUAN SUPAYA RAKYAT DAPAT BELAJAR DARIPADA SEJARAH BAGI MENGELAKKAN PERISTIWA-PERISTIWA SERUPA ITU BERLAKU LAGI DI NEGARA INI.

KATANYA TIADA SESIAPA YANG AKAN UNTUNG SEKIRANYA BERLAKU PERISTIWA-PERISTIWA SEPERTI ITU APABILA RAKYAT BERBUNUHAN DAN NEGARA BERADA DALAM KEADAAN HURU-HARA.

KATANYA PERISTIWA MEMALI MERUPAKAN SATU PENGAJARAN KEPADA SEMUA RAKYAT SUPAYA MEREKA TIDAK TERPERANGKAP DENGAN JANJI-JANJI MANIS PARTI-PARTI LAWAN.

-- LAGI.

1730MST 30 07 86

MAHATHIR-KIT SIANG 4 PULAU PINANG

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYERU RAKYAT MENGAJI MANIFESTO PAS YANG TIDAK PUN MENYEBUT PEMBENTUKAN NEGARA ISLAM KECUALI MENYEBUT PAS AKAN MENDAPATKAN KEADILAN, KESEJAHTERAAN DAN KEAMANAN KEPADA RAKYAT.

KATANYA DAKWAAN PAS ITU SEMATA-MATA PALSU DAN BERTUJUAN UNTUK MEMENANGI PILIHAN RAYA KERANA PARTI ITU SEBENARNYA HENDAK MEMBENTUK KERAJAAN MULLAH DENGAN SEMUA KUASA NEGARA DIPEGANG OLEH ULAMAK PAS.

MENURUTNYA JIKA PAS BERKUASA, HAK-HAK ORANG BUKAN ISLAM, WANITA DAN ORANG-ORANG YANG +TIDAK KUAT+ ISLAMNYA AKAN TERJEJAS SEPERTI TIDAK BOLEH MENGUNDI, MENJADI WAKIL RAKYAT DAN MENTERI.

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI DR LIM CHONG EU BERKATA BN NEGERI BERAZAM MENGHAPUSKAN PAKATAN YANG TIDAK SUCI ANTARA PAS DENGAN DAP DI NEGERI INI.

KATANYA BN NEGERI AKAN BERUSAHA MENDAPATKAN SOKONGAN RAKYAT BAGI MENJAMIN KEMENANGANNYA ITU UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN YANG STABIL YANG DAPAT MENJALANKAN RANCANGAN PEMBANGUNANNYA DENGAN BAIK. -- LAGI.

1856MST 30 07 86

D133

U B352 AAB

MAHATHIR-KIT SIANG 5 PULAU PINANG

SELEPAS ITU, SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT TAWARAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH PROJEK JALAN KEDAH, DATUK SRI DR MAHATHIR JUGA MENGECEM ENCIK LIM KERANA BERTANDING MENENTANG DR KOH.

KATANYA ENCIK LIM MEMPUNYAI TABIAT JIKA SESIAPA PERNAH MELAWANNYA BELIAU AKAN MENENTANG LAWANNYA SEKALI LAGI HABIS-HABISAN DAN PERTARUNGANNYA DENGAN DR KOH BERTUJUAN MEMBALAS DENDAM.

PADA PILIHAN RAYA YANG LEPAS DR KOH YANG MERUPAKAN BEKAS PEMIMPIN PERSATUAN PELAJARAN CINA TUNG CHIAU CHUNG YANG BERPENGARUH DI KALANGAN MASYARAKAT BERPENDIDIKAN CINA MENENTANG DAP MELALUI BN DAN INI TIDAK DISENANGI OLEH ENCIK LIM.

MENURUT BELIAU DR KOH BANYAK BERJASA KEPADA MASYARAKAT CINA NEGARA INI DAN DI KAWASANNYA.

KATANYA MELALUI USAHA DR KOH JUGA, KERAJAAN MELULUSKAN \$4.5 JUTA UNTUK PROJEK MENGATASI MASALAH BANJIR DI KAWASAN CAUNTERHALL TERUTAMA DI JALAN P RAMLEE TAHUN DEPAN.

YANG TURUT HADIR IALAH KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DAN DR KOH. -- BERNAMA

1901MST 30 07 86